

BULETIN AKADEMIK

PUBLICATION OF UPENA UITM TERENGGANU

Editorial BOARD

PATRONS

Assoc. Prof. Dr. Hj. Abdol Samad
Nawi

Assoc. Prof. Madya Dr. Hjh.
Khripah Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Mazidah Puteh

ADVISOR

Dr. Nurulnadwan Aziz

CHIEF EDITOR

Siti Nor Fadillah Ahmad Shariff
Mohd Azuan Mohd Alias

EDITOR

Siti Nurhanifah Sulong

LAYOUT AND GRAPHICS

Wan Nazriah Wan Nawawi

MOU BETWEEN UiTM (TERENGGANU) AND RMUTR, THAILAND

By: Siti Nurhanifah Sulong, Siti Nor Fadillah Ahmad Shariff & Luqmanul Hakim Zulkornain

On the 14th of November 2016, a memorandum of understanding (MoU), between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu and Rajamangala University of Technology Rattanakosin (RMUTR) was signed. The MoU was signed by Associate Professor Dr Abdol Samad Bin Nawi, (the Rector of UiTM Terengganu and Assistant Professor Siwa Wasuntarapiwat, the President of Rajamangala University of Technology Rattanakosin (RMUTR). The ceremony which took place at Laman Korporat UiTM Terengganu was made possible through the Faculty of Applied Science (FSKM).

Also present at the ceremony were the Dean of FSKM, Associate Professor Dr. Hamidah Jantan and Asstant Professor Chulalak Paiboonfoongfueng, the Vice President for International Affairs of RMUTR. This signing of MoU enables future collaborations between the two universities such as to encourage International exchanges between faculty and staff, acceptance of undergraduate and graduate students, to organize symposia, conferences, short courses and meetings on research issues, exchange of information pertaining to development in education and to cooperate in various areas as agreed by both parties.



Photo credited to Unit Komunikasi Korporat UiTM(Terengganu)

ALICe 2017 in a Glimpse!

By: Noor Emilina Mohd Nasir, Emiza Tahar, Inayah Abd Aziz, Dr. Noor Liza Adnan, Suraya Ahmad
Faculty of Accountancy

Yooohooo!!! Faculty of Accountancy UiTMCT seemed to have landed in Wonderland in the presence of ALICe!!! What a great news to all faculty members.

The idea of ALICe 2017, or Accounting Learning Innovation Challenge 2017, was first coined during the Accounting Festival (AccuFest 2016) held on 28 to 30 July 2016. It was then known as *Program Inovasi Pengajaran Perakaunan* (IPP 2016), which was officially launched by Prof. Madya Ismail Hassan, Head of Study Centre on 28 July 2016 at Dewan Jasmin, UiTMCT. Its main idea was to trigger an innovative accounting learning concept among the accounting students, so students may view accounting learning in a more diverse manner, rather than through pen-and-books alone. Generally, the objectives of the program were as follow:

1. To create an innovative learning process;
2. To provide an exposure to students in participating in innovation competition at a higher level;
3. To ameliorate creativity and innovation among students;
4. To provide a showcase for creative teaching and learning; and
5. To strengthen the soft skills among students.

Commencing from the launching at the end of July 2016, students then started to form their group of four to represent their class, with a lecturer acting as a facilitator for each group. Then began the brainstorming and ‘blamestorming’ to realize their own version of innovative and creative accounting learning game, that makes accounting learning more interesting and certainly enhances understanding.

Then, on 16 March 2017, the much anticipated ALICe 2017 had been successfully held at Dewan Jasmin UiTMCKD, with the theme “*Innovating the Accounting Learning*”. It was a product of a joint effort by the Faculty of Accountancy UiTMCT (AcFIE) with the collaboration from Family of Accountancy & Accounting Information System (FACCSYS). Eventually, eleven groups had registered to showcase their products during ALICe 2017 that have challenged the students' creativity to innovate the teaching and learning of accounting subjects.

The competition was launched by the Faculty Coordinator, Dr. Roziani Ali. In her welcoming speech, she highlighted that ALICe 2017 can be the stepping stones for the accounting students to involve in competitions at either local or international level. The jury of the competition were Dr. Noor Liza Adnan, Dr. Najihah Marha Yaacob (both from Faculty of Accountancy) and Mr. Abdul Razak Haji Abu Kassim (as the invited juror).





Upon announcing the winners of ALICe 2017, Mr Abdul Razak expressed his astonishment on the creativity of the accounting students. Some of the products presented appeared to have the potential to be commercialized, but with certain improvement needed. He also congratulated the faculty members who initiated the program that can be considered as a stepping stone to involve students in national and international competitions. The final result of the competition is as follows

AWARD	PROJECT TITLE	MEMBERS
GOLD	COSTING FUN EASY LEARNING (COST-FEL)	M Hilal Iqmal M Anasid, Nur Farahiyah Md Fettri, NurIzzati Nor Rahim, Muhammad Irfan Azit, Mdm Rokiah Muda
SILVER	MY FUN REVISION STYLE (MFRS)	Fatihah Alawiyah Juhari, Nur Fatin Alya M Sani, Nur Alyssa Sofea A Suffian, Nurul Akmal Abd. Malek, Sir CK Hisam CK Kassim
BRONZE	STOCK ISSUANCE VALUATION SIMULATION (STIVS)	Ilyas Amin M Ishak, Maisarah Abd Halim, Nur Amalia Faqihah Fauzi, W N Wafaa Auni W M Bazli, Mdm Zaiza Norsuriati Zainal@Zakaria



It is hoped that with the commitment from the students and lecturers, an innovative learning culture and fun learning process can be embedded in the campus environment. In addition, it is our dream to develop students' skills and expose them to more Innovation, Invention and Design (IID) competition at both national and international levels. We look forward to the next visit of ALICe to the AccountingLand!!!



THEORY?? WHAT THE HELL IS THEORY? WHY DO WE NEED IT??

By: Noor Liza Adnan, Faculty of Accountancy

(This writing is especially dedicated to our dear friends who are still breezing through their PhD journey)

Well... I am sure that many of you are wondering about this... especially those who have just started their PHD journey. The good news is, you are not alone... I was also the same, as many others of our friends.

And believe me, I hate it too ...no, no... I despised it!! Yeah, that's better.

But because of we have to have a theory in our thesis (or else you can't have your PHD), then I have to force myself to, at least, understand it (though not necessarily like it, or love it). So, I referred to this one book on my first try, and Alhamdulillah, it made me understood it so clearly – at least to the extent that I can write my section on theory. When I submitted my thesis to my supervisors, they confidently said that my theory part is very clear and strong. Even during my viva, no question was raised by the examiners regarding the theory.

So what is theory?? If you ask Mr. Google, you will find a lot of answers that you don't have time to read (coz there are just a little too many). One of the answers that I got from Mr. Google is this "A theory is a set of interrelated concepts, definitions, and propositions that explains or predicts events or situations by specifying relations among variables" (<http://www.esourceresearch.org>). So, it's clear, right, that theory will give you what you need to derive your research framework! What?? Still unclear?? OK, let's go deeper...

When I wanted to build my research framework, I had to decide which variables to use as IVs as predictors of my DV. Of course, I must first clearly see my problem that I want to investigate (coz **if you don't have a problem, then you will have a big problem!** – borrowing the words of one of the professors). This problem then is my DV. So what are predictor variables that may influence my DV?? These are supposed to be my IVs.

OK, so where do I get my IVs? Gosh... I read hundreds of articles to find my dear IVs. It could be so many of them, but which one should I include in my framework? I certainly could not include every variable under the sky, right, coz my framework would not fit the whole pages of any journals.

One of the professors then said, "Remember, your model must be parsimonious enough". There it was... Parsimonious??!! What the hell is that?? When I asked the professor, he just gave me a wry smile which was enough to keep me silence!

So, I kept searching for my IVs, and fitted them nicely in my framework! (But before they fit, just imagine the number of sleepless nights that I had to go through). Then, came my next big question... **WHAT IS THE THEORY THAT CAN FIT MY MODEL?** (I hope I am the only one asking this extremely stupid question, but I am so sure that I was not alone).

So, I focused all my energy and spent weeks (or months?!?) hunting for 'the right theory for my model'... until one fine day, I think I got

one!

So I read about this theory (I used Social Learning Theory (SLT)), and upon reading it, disappointingly, I said to myself... What?? Is this what a theory is supposed to do?? I already know about this! It is something quite basic and general that it is a common knowledge to all... where, under SLT it says that one's behaviour is influenced by the values that one's holds and also the environmental factors surrounding him. So, what?? Even my grandmother knew this...

So why do we need it, anyway??

The answer is because of "you and your grandmother are nobody!!!" Your grandmother had never empirically conducted any research to test her knowledge or assumptions, and she had never tested her hypotheses to see how true they could be (even if they are true in the past and still hold true now), and she had never published any paper in a refereed journal. In short, they are just common sense (though not necessarily non-sense)!!!

So, we need a theory because it tends to be more internally consistent and also consistent with existing facts than common sense. As such, it doesn't usually contradict itself. Therefore, it is easier to make clear, consistent predictions from a consistent theory rather than from inconsistent common sense. Theories also summarize and organize a great deal of information and connect individual facts and give them meaning. (Please refer to <http://www.jolley-mitchell.com/> for more details).

So as you can see, you need a theory because it will guide you on which IVs you are going to choose to help explain your DV. In other words, a theory is already a well-established research model with various variables which can guide you to build your research model or framework!

Therefore, if only I knew the theory earlier, I could have cut my quest for IVs short... I could have saved a lot of time, a lot of effort!!

So now, can you see my mistakes?? I developed my research framework first, then only I looked for a theory that fit my model... haha... so stupid of me! So that is why I am writing this so that you would not repeat my stupid mistake! (And I can still remember attending Prof Ramayah's workshop, when he mockingly said, "you developed your model, then you tried to find a theory that fit your model??... Hahaha..." Then he laughed his wicked laugh... Well, it felt like he had punched me right in my nose!).

Still remember the concept of parsimonious? That is how a theory will help you. Your model is parsimony when you are being stingy or frugal, in a way that you only include important variables in your model (by limiting the number of IVs), but these variables are so powerful that it could explain a lot about your DV. Hence, you can build just a small model but robust enough to explain your DV. Sounds easy, huh??!! Good luck!

So my advise – Once you have found your problem (DV), go find the theory that would help to explain about your DV! Understand the theory, look for the IVs that are suggested by the theory. Then only read about the IVs one by one to see if it falls within your area of investigation. Look for other possible IVs, or mediators or moderators that may be added to the existing theory. This would be your contribution to the theory or knowledge! Then only you may draw a beautiful model (research model, of course!!). and... taraaaa... your parsimonious framework is developed!

Best of luck, everyone!! And remember, along the road, don't forget to stop here and there to smell the flowers...



KITA CAKNA : ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA

Oleh: Ramha Rozaili Ramli, Sulaiha Mohd Isa & Zatul Iffah Mohd Fuza

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”

Terjemahan : Surah Ar - Ruum (30) : 21


Setiap pasangan pasti menginginkan kebahagiaan dalam rumah tangga. Untuk itu, suami dan isteri perlu memainkan peranan yang penting untuk sama-sama memastikan kebahagiaan yang mereka impikan menjadi kenyataan. Namun, kita sering terlihat atau terbaca berita tentang keganasan rumah tangga yang sering dilaporkan berlaku didalam masyarakat Malaysia. Namun, fahamkah kita dengan apa itu keganasan rumah tangga?



Keganasan rumah tangga merupakan perkara atau kelakuan seperti sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam ketakutan, mencederakan secara fizikal, memaksa atau mengancam melakukan perbuatan seksual, mengurung atau menahan tanpa kerelaan, khianat atau merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan atau kegusaran. Statistik menunjukkan sebanyak 3,343 kes keganasan rumah tangga dilaporkan dalam tempoh Januari hingga Ogos pada tahun 2015 dimana daripada jumlah itu, 2,528 kes membabitkan golongan wanita.

(<http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/3-343-keganasan-rumah-tangga-dilaporkan-1.141831>)

Bagi membela nasib mangsa keganasan rumah tangga, sebuah akta telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia dan telah digunakan untuk seluruh Malaysia bagi melindungi mangsa keganasan rumah tangga iaitu Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) yang telah dikuatkuasakan pada 01 Jun 1996. Akta ini memberi perhatian yang khusus dalam hal-hal keganasan rumah tangga dengan memperuntukan beberapa cara penyelesaian bagi kes-kes sedemikian.





Apa yang boleh dilakukan oleh mangsa keganasan rumah tangga adalah membuat aduan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Polis yang juga bertindak sebagai Pegawai Penguatkuasa. Menurut Seksyen 19, Akta 521, selain bertindak sebagai pelindung, akta ini juga menerangkan skop kerja bagi mereka yang dilantik sebagai Pengawai Penguatkuasa dimana antaranya ialah membantu mangsa keganasan rumah tangga memfailkan aduan berkenaan dengan keganasan rumah tangga itu, menjelaskan kepada mangsa hak mendapatkan perlindungan serta menemankan mangsa ke kediaman mangsa itu atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut mengambil inisiatif mewujudkan talian Telenita (03-7570224), Pusat Krisis Wanita (04-2280342) dan Pusat Khidmat Wanita (1-800-88-6787) sebagai medium perhubungan tambahan bagi aduan berkaitan keganasan rumah tangga. Dengan adanya kemudahan seperti ini, diharap agar kes keganasan rumah tangga dapat dikurangkan dan nasib mangsa keganasan rumah tangga juga turut terbela.



Rujukan:

1. <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/3-343-keganasan-rumah-tangga-dilaporkan-1.141831>
2. <http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/>
3. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994



Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Oleh : Noorimah Misnan & Mardiana Wan Musa

Kita seringkali mendapat panggilan telefon atau menerima teks pesanan ringkas (SMS) daripada pihak yang tidak dikenali untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka seperti insurans, kad kredit, pinjaman bank dan sebagainya. Kita juga tertanya-tanya bagaimana mereka mendapat maklumat peribadi kita. Kita sedar bahawa maklumat peribadi kita ada pada bank, institusi pendidikan tempat kita belajar, pemilik syarikat telekomunikasi, dan pelbagai pemilik 'online business' yang kita pernah berurus. Kita juga mungkin terlupa bahawa kita pernah kongsi maklumat peribadi di Facebook, WhatsApp, WeChat dan sebagainya. Adakah maklumat peribadi kita dilindungi dibawah undang-undang?

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) merupakan satu perundangan siber yang telah dikuatkuasakan pada 15 November 2013. Objektif utama undang-undang ini adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh pengguna data dan melindungi kepentingan data peribadi "subjek data", iaitu individu atau pemilik data.

Akta Perlindungan Data Peribadi terpakai kepada individu dan organisasi sekiranya mereka adalah "pengguna data". "Pengguna data" adalah individu atau organisasi yang memproses data peribadi, atau mempunyai kawalan terhadap

pemprosesan data peribadi, atau membenarkan pemprosesan data peribadi. Pengguna data diklasifikasikan kepada 11 kategori berbeza melibatkan sektor komunikasi, perbankan dan institusi kewangan, insurans, kesihatan, pelancongan dan hospitaliti, pengangkutan, pendidikan, jualan langsung, perkhidmatan, hartanah dan utiliti.

'Data' bermaksud sebarang data yang membolehkan seseorang individu yang masih hidup dikenal pasti. Contohnya, data peribadi dan data peribadi sensitif. Seseorang individu yang masih hidup boleh dikenal pasti daripada nama dan alamat, nombor kad pengenalan, nombor telefon, nombor passport, gambar, maklumat dan rekod kesihatan, alamat email, imej dalam rakaman litar tertutup (CCTV), dan maklumat dalam fail peribadi. Data peribadi sensitif bermaksud apa-apa maklumat mengenai kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seseorang, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya, apa-apa kesalahannya atau apa-apa data peribadi lain.

Pengguna data mesti mematuhi akta jika mereka "memproses" data peribadi. "Pemprosesan" data peribadi bermaksud melakukan sesuatu terhadap data seperti mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, menyusun, mengubah, menzahirkan dan memusnahkan. Contoh-contoh aktiviti yang boleh dianggap sebagai "pemprosesan" termasuklah, mengumpul data menggunakan borang, melalui telefon atau melalui laman sesawang, menerbitkan data, menggunakan data dalam pentadbiran, menggunakan data untuk tujuan pemasaran, merekodkan data, mendedahkan atau memberikan data kepada organisasi lain dan menjual data.

7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1. Mematuhi "Prinsip Am" dimana pengguna data tidak dibenarkan memproses data peribadi tanpa kebenaran pemilik data tersebut.
2. Mematuhi "Prinsip Notis dan Pilihan" dimana pengguna data perlu memaklumkan secara bertulis kepada pemilik data tujuan pengumpulan, pemprosesan dan penzahiran

- data.
3. Mematuhi "Prinsip Penzahiran" iaitu pengguna data tidak boleh menzahirkan data peribadi seseorang individu itu kepada pihak lain dan tidak boleh menggunakan data selain untuk tujuan pengumpulan data tersebut.
 4. Mematuhi "Prinsip Keselamatan" iaitu apabila ingin memproses data peribadi mana-mana individu, pengguna data perlu mengambil langkah supaya data tersebut selamat, tidak diubahsuai, tidak disalahguna atau tidak diberikan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.
 5. Mematuhi "Prinsip Penyimpanan" dimana setiap data peribadi itu tidak dibenarkan disimpan melebih had masa yang dibenarkan. Selepas proses penggunaan data tamat, data tersebut hendaklah dimusnahkan atau dipadam.
 6. Mematuhi "Prinsip Integriti Data" dimana setiap data peribadi perlu dipastikan supaya tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini menepati maksud sesuatu data itu disimpan dan diproses.
 7. Mematuhi "Prinsip Akses" dimana pemilik data mestilah diberikan hak akses kepada data perbadinya yang dipegang oleh pengguna data supaya dapat dikemaskini dari semasa ke semasa.

Subjek data, iaitu pemilik data diberikan hak-hak berikut:

1. Hak untuk diberitahu samada data mereka diproses oleh sebuah organisasi
2. Hak untuk mengakses data peribadi
3. Hak untuk membetulkan data peribadi
4. Hak untuk menarik balik kebenaran memproses data peribadi
5. Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan
6. Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung

Jabatan Perlindungan Data Peribadi merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ditubuhkan pada 16 Mei 2011. Ia ditubuhkan selepas Parlimen meluluskan Rang Undang-undang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Tanggungjawab utama jabatan ini ialah mengawal selia pemprosesan data peribadi seseorang individu oleh pengguna data agar ia digunakan dengan cara yang penuh berintegriti, selamat dan tidak disalahgunakan. Pendaftaran diwajibkan bagi memastikan pengguna data peribadi dalam transaksi komersial mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi serta memudahkan tindakan penguatkuasaan untuk membanteras penyalahgunaan data peribadi.

Akta tidak memperuntukkan secara spesifik hak untuk menuntut ganti rugi. Namun, individu yang merasakan bahawa data peribadi mereka telah diproses melanggar mana-mana peruntukan akta boleh membuat aduan kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Pengadu perlu membuat aduan dan memohon penjelasan daripada organisasi yang terlibat terlebih dahulu. Sekiranya pengadu masih tidak berpuas hati dengan jawapan dan tindakan yang diambil oleh organisasi berkenaan, maka, pengadu boleh membuat aduan kepada Jabatan Perlindungan Data Peribadi bagi membolehkan penyiasatan dijalankan. Pengadu yang masih tidak berpuashati dengan keputusan Pesuruhjaya boleh mengemukakan rayuan kepada Tribunal Rayuan.

Kesimpulannya, adalah menjadi satu kesalahan bagi pengguna data jika mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga tanpa persetujuan pemilik data. Walaupun undang-undang telah wujud, namun kesedaran pemilik data masih ditahap yang rendah apabila ada yang berkongsi data peribadi dilaman sosial dan secara tidak langsung, mendedahkan data peribadi kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sumber :
www.pdp.gov.my
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

HOTEL ISLAMIK

Oleh: Wan Nazriah Wan Nawawi

PNB Perdana Hotel & Suites On The Park Kuala Lumpur antara hotel yang menerapkan nilai Islam dalam perkhidmatan pelanggan mereka. Hotel ini terletak di dalam kawasan perniagaan dan membeli-belah di Kuala Lumpur. PNB Perdana Hotel & Suites On The Park merupakan pilihan penginapan yang ideal di Kuala Lumpur untuk ahli perniagaan dan keluarga.

Dikenali dengan suasana moden dan canggih, PNB Perdana Hotel & Suites On The Park menawarkan persekitaran yang sederhana, dengan perabot mewah dan pelbagai kemudahan. Pelbagai jenis bilik *suite* yang ditawarkan iaitu *suite* 1-bilik tidur yang luas dan Kediaman Gaya Hidup 4-bilik tidur eksklusif, semua *suite* dilengkapi dengan dapur kecil lengkap, ruang tamu dan ruang makan yang selesa serta meja kerja.

Dibuka pada Jun 2000, PNB Perdana Hotel & Suites On The Park Kuala Lumpur merupakan jenama hospitaliti mesra Islam yang pertama di Malaysia yang dimiliki oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan diuruskan bersama oleh PNB Management Services Sdn Bhd dan Darby Park (Management) Pte Ltd.

Terletak secara strategik di tengah-tengah segitiga emas Kuala Lumpur, PNB Perdana boleh diakses menerusi semua rangkaian jalan utama dan melalui Sistem Transit Ringan (LRT), Stesen Taman Ampang. Hotel ini berhampiran dengan pusat membeli-belah utama Malaysia iaitu KLCC. PNB Perdana Hotel & Suites On The Park juga menawarkan pelbagai dewan seminar dan bilik mesyuarat untuk memenuhi pelbagai acara, persidangan dan mesyuarat di Kuala Lumpur.

PNB Perdana Hotel & Suites On The Park menempatkan dua buah restoran yang menawarkan pelbagai hidangan tempatan dan antarabangsa. Penginapan ini juga menawarkan kemudahan seperti kolam renang, gelanggang tenis, gelanggang skuasy dan gim untuk kemudahan pelanggan di PNB Perdana Hotel & Suites On The Park. Pengalaman menginap di hotel ini sangat tenang dan selesa dengan menerima sapaan daripada setiap kakitangan yang memberi salam "Assalamualaikum" setiap kali berhadapan dengan pelanggan. Fasiliti di dalam bilik juga dilengkapi dengan paip untuk kemudahan berwuduk.





PROGRAM SANTAI SUKAN WARGA AKADEMIK UiTM CAWANGAN TERENGGANU 2016

Oleh: Amanina Mat Ghani, Mohaini Mohamed@Naba, Ahmad Ismail Mohd Anuar & Ahmad Izzat Mod Arifin

UKHUWAH yang erat dan utuh di kalangan warga UiTM diwujudkan melalui pelbagai medium antaranya penglibatan di dalam sesbuah program dan aktiviti. Justeru itu , Kelab Akademik UiTM Cawangan Terengganu bekerjasama dengan pelajar-pelajar semester 1 Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perkhidmatan Makanan (HM2421A/B) telah mengadakan ‘Program Santai Sukan Warga Akademik 2016’ yang berlangsung pada 10 Disember 2016 (Sabtu) bertempat di Stadium Gemilang, UiTM Kampus Dungun. Penyertaan daripada peserta adalah sangat baik dan melebihi 100 orang peserta terdiri daripada AJK Kelab Akademik, para pensyarah, staf akademik, pelajar dan keluarga staf. Acara utama program ini ialah sukan badminton dan acara ping pong di mana dibahagikan kepada dua kategori iaitu staf lelaki dan staf perempuan (regu). Kedua-dua acara ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di kalangan staf akademik. Antara acara yang mendapat perhatian juga adalah semua acara sukan kanak-kanak. Pelbagai aksi dan ragam anak-anak kecil yang menyertai pertandingan dilihat menceriakan lagi program ini.

Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektifnya iaitu mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan warga akademik, pelajar dan keluarga, selain dapat membudayakan sukan sebagai aktiviti riadah yang sihat. Di samping itu, penganjuran program ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam menguruskan sesuatu program dengan sistematik dan berkomunikasi dengan cara yang berkesan. Program berakhir jam 2.00 petang dan majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengurus Kelab Akademik sesi 2016/2018, Puan Hasleena Hamdan diiringi oleh Ketua Biro Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan , Cik Mohaini Mohamed @ Naba kepada semua pemenang setiap acara yang dipertandingkan. Berikut adalah acara yang dipertandingkan:-

ATURCARA				
BIL	TEMPAT	ACARA/SUKAN	KATEGORI	MASA
1.	FOYER STADIUM	PENDAFTARAN & YURAN PENYERTAAN	SEMUA	8.00-9.00 PAGI
2.	PERKARANGAN STADIUM	MINUM PAGI	SEMUA	10.30-11.00 PAGI
3.	STADIUM BADMINTON	1. BADMINTON	LELAKI/PEREMPUAN	9.00-11.00 PAGI
4.	DEWAN PING PONG	2. PING PONG	LELAKI/PEREMPUAN	9.00-12.00/H
5.	BAWAH GRAND STAND	3. MEWARNA	5-8 THN & 9-12 THN	9.00-11.00 PAGI
6.	STADIUM	4. DART	LELAKI	9.00-11.00 PAGI
		5. CONGKAK	PEREMPUAN	9.00-11.00 PAGI
		6. BATU SEREMBAN	PEREMPUAN	9.00-11.00 PAGI
7.	PERKARANGAN STADIUM	7. BAWA BOLA PINGPONG DALAM SUDU	5-8 THN & 9-12 THN	9.00-9.30 PAGI
		8. CARI GULA GULA DALAM TEPUNG	5-8 THN & 9-12 THN	9.30-10.30 PAGI
		9. ISI AIR DALAM BOTOL	9-12 TAHUN	10.00-10.30 PAGI
		10. PANCIING BOTOL	LELAKI/PEREMPUAN	10.30-11.00 PAGI
		11. MUSICAL CHAIR	(9-12THN)	11.00-11.30 PAGI
		12. TIUP BELON	5-8 THN & 9-12 THN	11.30-12.00/H
8.	PERKARANGAN STADIUM	8. PENYAMPAIAN HADIAH	SEMUA KATEGORI	12.00-1.30 PETANG
9.		BERSARAI		1.30 PETANG



'BOWLING AND BONDING DAY'

Oleh: Haslina Che Ngah & Amanina Mat Ghani

Tanggal 19 Mei 2017 (Jumaat) bertempat di U-Bowl Mesra Mall Kerteh, telah berlangsung dengan meriahnya program "Bowling and Bonding Day" di bawah anjuran Kelab Akademik UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT). Objektif program ini diadakan adalah untuk membudayakan sukan sebagai aktiviti masa lapang yang sihat dan mewujudkan warga UiTMCT yang cergas fizikal dan mental di samping merapatkan hubungan silaturrahim yang erat di kalangan warga UiTMCT. Penyertaan bagi program ini terdiri daripada para pensyarah dan juga staf UiTMCT. Terdapat sebanyak 10 kumpulan yang bertanding yang disertai oleh tiga orang gandingan di antara pensyarah dan juga staf.

Antara kategori yang dipertandingkan adalah kategori kumpulan terbaik, kategori individu lelaki dan wanita terbaik serta hadiah saguhati. Selain itu, tidak dilupakan juga kategori ratu longkang dan raja longkang di mana pemenangnya adalah bagi peserta lelaki dan wanita yang mendapat mata terendah. Pemenang mendapat hadiah piala, medal dan juga hamper yang ditaja oleh pihak Kelab Akademik.

Secara keseluruhannya, program yang diadakan ini berjalan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan warga UiTMCT. Diharapkan program yang bermanfaat ini dapat diteruskan di masa akan datang dan terus mendapat sokongan daripada seluruh warga UiTMCT.

